

Pembangunan TVET perlu dasar, strategi berkesan maksimum pulangan

Berita Harian
Selasa, 14 Nov 2017

Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperuntukkan sejumlah RM4.9 bilion bagi melaksanakan pelan induk Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Malaysia.

Peruntukan besar ini membantu memartabatkan dan penjenamaan semula Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (PTLV) di negara ini.

Dengan penjenamaan semula PTLV kepada TVET Malaysia, ia memperlihatkan usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam bidang ini. Malah, ia turut membantu melahirkan rakyat Malaysia yang keciciran dari segi akademik dan membuka peluang kepada golongan ini untuk mencebur bidang kemahiran teknikal.

Kesepaduan TVET Malaysia dalam mendasari keperluan Industri Revolusi 4.0 memastikan negara berada pada landasan yang tepat

bagi mencapai negara berstatus maju menjelang 2050.

TVET Malaysia menyediakan latihan kepada pelajar dalam bentuk latihan teoretikal dan praktikal sebelum menempuh alam pekerjaan.

Bagi meningkatkan nilai tambah dan kebolehpasaran graduan dalam menembusi pasaran kerja yang semakin mencabar, TVET Malaysia berperanan menyediakan platform bagi melatih graduan kemahiran teknikal dan pengetahuan teknologi selaras dengan arus kemajuan industrialisasi semasa.

Strategi ini juga mampu melahirkan graduan untuk menembusi sektor pekerjaan di luar negara, sekali gus memperluaskan lagi peluang pekerjaan dalam kalangan graduan di Malaysia.

Dengan peruntukan sejumlah besar diumumkan itu, pemegang taruh yang terbabit dalam pembangunan TVET Malaysia perlu membuat dasar dan strategi yang

berkesan dalam memastikan keberhasilan serta memaksimumkan pulangan atas pelaburan yang dibelanjakan kerajaan.

Antara cadangan yang boleh diusulkan adalah melalui pembabitan universiti awam di Malaysia dalam menjalankan kajian berimpak tinggi bagi mengenal pasti keperluan dan cadangan penyelesaian kepada masalah dalam bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional di Malaysia.

Kerjasama dipertingkat

Justeru, TVET Malaysia berperanan bagi menghubung jalin kerjasama antara universiti dan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjalankan kajian berfokus sama ada dalam mahupun di luar negara.

Selain daripada itu, kerjasama dan kesepakatan di antara industri dan TVET Malaysia perlu diperlakukan melalui perjanjian dan memorandum yang boleh me-

nguntungkan kedua-dua belah pihak. Contohnya, industri perkilangan dan pembuatan boleh memberikan perkhidmatan secara 'in-kind' melalui peluang latihan melalui internship dan praktikal kepada pelajar.

Pendidikan kepada pelajar

Jaringan industri ini juga perlu dijadikan secara insentif dengan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teknologi terkini seperti penggunaan mesin berkapasiti tinggi, sistem dan aplikasi pengkomputeran, strategi pemasaran serta perniagaan, di samping modul pengajaran dan pembelajaran terkini.

Melalui peluang seperti ini, pelajar akan didedahkan lebih awal mengenai kemahiran ini sebelum memasuki alam pekerjaan.

Pihak industri, dari sudut yang lain tidak perlu untuk membelanjakan sejumlah peruntukan bagi menanggung perbelanjaan la-

tihan bagi memastikan pekerja dilantik berkemahiran tinggi.

Strategi kerajaan untuk menerapkan TVET Malaysia dalam kurikulum Pendidikan Tahfiz dan Al-Quran adalah langkah proaktif dalam melahirkan masyarakat yang holistik dan syumul. Diharapkan pengurusan sekolah berdasarkan Pendidikan Tahfiz dan al-Quran perlu mengambil peluang ini bagi mempelbagaikan kurikulum di sekolah mereka.

Pelan dan kajian perlu dijalankan dengan menumpukan kepada keberkesanannya penerapan TVET Malaysia di sekolah bagi mengoptimalkan dan mempelbagaikan jurusan dan program pendidikan di Malaysia.

 **Muhd Khaizer Omar,**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia